LANDSKAP

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

Edisi 19/2019

6-13 Oktober 2019

DALAM NEGARA

Keselamatan - *Krisis keselamatan negara, Malaysia jadi lubuk kumpulan pengganas LTTE merekrut ahli dan kumpul dana*

Keselamatan - *Peningkatan ancaman keselamatan: KDN memperbaharui dasar keselamatan, PDRM tingkatkan kapasiti dan teknologi risikan*

Politik - *Penguasaan Bersatu dalam Media Perdana, Syed Mokhtar tingkatkan pembelian saham syarikat akhbar di Malaysia*

Ekonomi - *Kerajaan dalam usaha tingkatkan kapasiti kewangan, jual PLUS, anak syarikat Ekuinas dan ambil alih ekuiti Tabung Haji*

IRIS INSTITUTE

Interdisciplinary Research and International Strategy©

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

6-13 Oktober 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Terdapat 4 sudut pandang utama dalam landskap pada minggu ini iaitu:

1. Pihak keselamatan Malaysia, KDN dan PDRM telah melakukan beberapa pembaharuan dan peningkatan keupayaan dalam isu keselamatan negara. Antaranya adalah **pembaharuan dasar keselamatan** oleh KDN, **memposisikan pegawai PDRM di PPR** dan **penggunaan DNA Data bank** oleh PDRM.
2. Kumpulan pengganas LTTE menjadikan Malaysia sebagai sasaran merekrut ahli dan mengumpul dana bagi gerakan mereka. **Ramai ahli yang berfaham LTTE menduduki kedudukan strategik di Malaysia.**
3. **Parti Bersatu meningkatkan penguasaan dalam dunia media** melalui kroni Syed Mokhtar. Antara yang direkodkan adalah pemilikan tiga akhbar utama Malaysia iaitu Utusan Malaysia, Kosmo dan The Malaysian Reserve serta memiliki pegangan saham dalam Utusan Melayu Bhd dan Media Prima.
4. Kerajaan Malaysia dalam usaha meningkatkan kapasiti kewangan negara dengan **menswastakan dan menjual aset dan syarikat** antaranya lebuhraya PLUS, anak syarikat Ekuinas dan mengambil alih ekuiti Tabung Haji.

KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif 2

DALAM NEGARA

Isu Keselamatan

1 Krisis keselamatan negara, Malaysia jadi lubuk kumpulan pengganas LTTE merekrut ahli dan kumpul dana 4

2 Peningkatan ancaman keselamatan: KDN memperbaharui dasar keselamatan, PDRM tingkatkan kapasiti dan teknologi risikan

Isu Politik

3 Penguasaan Bersatu dalam Media Perdana, Syed Mokhtar tingkatkan pembelian saham syarikat akhbar di Malaysia 5

Isu Ekonomi

4 Kerajaan dalam usaha tingkatkan kapasiti kewangan, jual PLUS, anak syarikat Ekuinas dan ambil alih ekuiti Tabung Haji 7

DALAM NEGARA

ISU KESELAMATAN

Tangkapan awal pada 7 Oktober berjaya menahan 7 individu di bawah SOSMA. Dua daripada individu tersebut merupakan ADUN dari parti DAP

1.0 Krisis keselamatan negara, Malaysia jadi lubuk kumpulan pengganas LTTE merekrut ahli dan kumpul dana

Sejak 7 Oktober sehingga 12 Oktober 2019, pihak PDRM telah melakukan tangkapan terhadap 12 orang yang dikaitkan dengan kumpulan pengganas Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE). Tangkapan awal pada 7 Oktober berjaya menahan 7 individu di bawah SOSMA. Dua daripada individu tersebut merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seremban Jaya, P. Gunasekaran dan Adun Gadek,Melaka, G. Saminathan dari parti DAP.

Lima individu yang selebihnya ditangkap pada 12 Oktober di mana dua daripadanya juga merupakan ahli DAP. Hal ini membawa kepada sebanyak empat orang ahli DAP ditangkap atas tuduhan terlibat dengan LTTE. Secara terperincinya, lima individu yang ditangkap adalah seorang guru di sebuah sekolah di Banting, Selangor, Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri dan ketua pegawai eksekutif (CEO) perbadanan anak syarikat kerajaan Melaka.

Tangkapan 5 orang individu ini membawa kepada pendedahan transaksi kewangan dalam jumlah besar disyaki digunakan untuk membiayai aktiviti, mempromosi, merekrut dan mengerakkan program LTTE. Hasil siasatan awal mendapati kesemua 12 individu ini saling mengenali dan sering menghubungi antara satu sama lain. Sejak tahun 2009, seramai 25 orang telah ditangkap kerana dipercayai terlibat dengan LTTE.

DALAM NEGARA

ISU KESELAMATAN



DKKA menggariskan enam teras dan 21 strategi yang menjadi panduan dan rujukan utama kepada 11 agensi keselamatan di bawah KDN

2.0 Peningkatan ancaman keselamatan: KDN memperbaharui dasar keselamatan, PDRM tingkatkan kapasiti dan teknologi risikan

Pihak keselamatan Malaysia, KDN dan PDRM telah melakukan beberapa pembaharuan dan peningkatan keupayaan dalam isu keselamatan negara. Antaranya adalah pembaharuan dasar keselamatan oleh KDN, memposisikan pegawai PDRM di PPR dan penggunaan DNA Data bank oleh PDRM.

Malaysia telah melancarkan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) yang baru. DKKA adalah dasar yang menggantikan Dasar Keselamatan Dalam Negeri (DKDN) yang digubal sebelum ini. DKKA menggariskan enam teras dan 21 strategi yang menjadi panduan dan

rujukan utama kepada 11 agensi keselamatan di bawah KDN. Antara fokus teras dan strategi itu ialah keperluan mempertahan Perlembagaan Persekutuan dan institusi utama negara, meningkatkan tadbir urus dan integriti, memperkukuh kawalan keselamatan sempadan negara serta memerangi gejala dadah.

Seterusnya, pada awal bulan ini, PDRM melalui kerjasama dengan DBKL telah meningkatkan pengawasan keselamatan di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Kuala Lumpur. Pada fasa awal ini, PDRM memperuntukkan 27 penempatan pegawai polis di PPR dan akan meningkat kepada 38 unit. Kuala Lumpur mencatatkan sebanyak 53 jumlah PPR dengan majoriti penduduknya adalah Melayu.

PDRM juga turut mengumumkan kadar efisiensi dalam menyelesaikan 60 kes jenayah melalui penggunaan DNA data bank yang dimiliki oleh PDRM. Menurut rekod, sebanyak 100,000 data DNA telah dimiliki oleh pihak berkuasa. Isu penggunaan DNA data Bank timbul apabila Muhyiddin Yasin selaku menteri KDN mengumumkan JPN juga akan menggunakan DNA databank bagi menyelesaikan isu sindiket MyKAD.

DALAM NEGARA

ISU POLITIK



Syed Mokhtar pada 8 Oktober 2019 telah dilaporkan membeli keseluruhan saham 70% akhbar Utusan Malaysia dan KOSMO daripada syarikat Utusan Melayu Bhd melalui Aurora Mulia Sdn Bhd

3.0 Penguasaan Bersatu dalam Media Perdana, Syed Mokhtar tingkatkan pembelian saham syarikat akhbar di Malaysia

Isu politik pada minggu ini memperlihatkan taikun dan juga kroni kepada Tun Mahathir, Syed Mokhtar Al-Bukhary telah meningkatkan pemilikan dalam syarikat akhbar di Malaysia. Syed Mokhtar pada 8 Oktober 2019 telah dilaporkan membeli keseluruhan saham 70% akhbar Utusan Malaysia dan KOSMO daripada syarikat Utusan Melayu Bhd melalui Aurora Mulia Sdn Bhd.

Sebelum itu, pada pertengahan Julai 2019, Syed Mokhtar melalui syarikat Nilam Setar Sdn Bhd telah membeli sebanyak 19.72% saham Utusan Melayu bhd yang memperlihatkan peningkatan sebanyak 4.97% pegangan dari pegangan sebelum ini sebanyak 14.75%. Pada awal Julai 2019 pula, Syed Mokhtar telah membeli 11.09% pegangan saham UMNO dalam Media Prima yang merupakan syarikat media terbesar Malaysia.

Secara keseluruhannya Syed Mokhtar telah memiliki tiga akhbar utama Malaysia iaitu Utusan Malaysia, Kosmo dan The Malaysian Reserve serta memiliki pegangan saham dalam Utusan Melayu Bhd dan Media Prima.

DALAM NEGARA

ISU EKONOMI

Dua syarikat konglomerat telah menyerahkan kertas cadangan kepada kerajaan untuk membeli lebuhraya PLUS. Dua syarikat itu adalah Widad Group Bhd dan Maju Holdings Bhd.

4.0 Kerajaan dalam usaha tingkatkan kapasiti kewangan, jual PLUS, anak syarikat Ekuinas dan ambil alih ekuiti Tabung Haji

Isu ekonomi pada minggu ini memperlihatkan usaha-usaha penjualan aset dan ekuiti kerajaan yang melibatkan lebuhraya PLUS, aset Tabung Haji dan anak syarikat Ekuinas.

Dua syarikat konglomerat telah menyerahkan kertas cadangan kepada kerajaan untuk membeli lebuhraya PLUS. Dua syarikat itu adalah Widad Group Bhd dan Maju Holdings Bhd. Antara perkara yang disebut dalam cadangan itu adalah menyerap pampasan tol yang tertunggak dari pihak kerajaan bernilai RM 338.5 juta, pengecualian pampasan tol bernilai RM 2.7 billion hasil penutupan tol Plaza Batu Tiga dan Bukit Kayu Hitam serta pengurangan kadar tol sehingga 25-40%.

PLUS Expressways Bhd memiliki konsensi dalam kesemua lebuhraya PLUS, Second Link Expressway, Jambatan Penang, Lebuhraya Utara Selatan, Butterworth Kulim Expressway dan Lebuhraya Seremban-Port Dickson. Syarikat PLUS dimiliki sepenuhnya oleh UEM Group bawah Khazanah Nasional.

Tabung Haji pula telah menjual kesemua baki pegangan saham dalam 10 syarikat berdaftar bernilai RM 2.6 bilion. Pada tahun lepas, TH telah menjual ekuiti daripada 106 syarikat berdaftar dan aset TH bernilai RM 20 bilion kepada SPV di bawah Kementerian Kewangan. Menurut CEO Tabung Haji, Datuk Seri Zukri Samat langkah ini bertujuan untuk mengurangkan pendedahan TH kepada pasaran ekuiti yang menjadi faktor utama krisis kewangan TH dan memberi fokus kepada pengurusan jemaah haji. Menurut audit daripada PWC sebelum ini TH memiliki liabiliti sebanyak RM 4.1 bilion. Sehingga Jun 2019, keseluruhan aset TH telah melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM 1.8 bilion.

Ekuinas Malaysia dalam langkah melepaskan 40% baki pegangan sahamnya dalam 3 anak syarikat penerima pelaburannya iaitu MediExpress Group, PMCare Sdn Bhd dan APIIT Lanka Pvt Ltd . Pada Mac 2019 sebelum ini Ekuinas telah menjual keseluruhan 60% pegangan sahamnya dalam MediExpress dan PMCare kepada syarikat Jepun Sumitomo Corp. Menurut CEO Ekuinas, Syed Yasir Arafat Abd Kadir, langkah ini adalah sebahagian daripada usaha penswastaan oleh ekuinas untuk meningkatkan semula kapasiti kewangan syarikat itu dan mengalihkan pelaburan kepada GLC Malaysia.